

Kaedah Penyelidikan Berasaskan Praktis Melalui Pendekatan Fenomenologi Hermeneutik: Kerangka Kerja Konseptual

Practice-Based Research Method Through the Hermeneutic Phenomenology Approach: A Conceptual Framework

*Mohd Shahrul Hisham Ahmad Tarmizi¹, Sharmiza Abu Hassan², Ishak Ramli³,
Mohammed Iqbal Badaruddin⁴, Rushana Sulaiman @ Abd Rahim⁵

^{1,4,5}Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
Kampus Machang, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

² Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus
Alor Gajah, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

³ Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus
Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

*shahrul313@uitm.edu.my¹, sharmiza129@uitm.edu.my², ishak991@uitm.edu.my³,
ishak991@uitm.edu.my³, iqbal688@uitm.edu.my⁴, rushana@uitm.edu.my⁵

*Corresponding author

Received: 1 March 2025; Accepted: 31 March 2025; Published: 1 April 2025

ABSTRAK

Kaedah penyelidikan berasaskan praktis adalah didasari oleh pengalaman hidup (*lived-experiences*) yang menggunakan pendekatan hermeneutik fenomenologi. Pendekatan ini dilihat memiliki kemampuan untuk mentafsir visual dan ia juga digunapakai dalam menginterpretasi teks. Artikel ini bertujuan untuk memperjelaskan kerangka kerja konseptual dalam menggunakan pendekatan fenomenologi hermeneutik dalam penyelidikan berasaskan praktis. Penyelidikan ini menumpukan kepada dua komponen utama – interpretasi visual dan interpretasi tekstual. Secara konsepnya, perbandingan ini dibincangkan dengan mengambil kerangka penyelidikan kajian praktis bagi memperoleh pemahaman dalam membuat analisa. Artikel ini memberi sumbangan kepada perkembangan kaedah penyelidikan berasaskan praktis yang menjadi pilihan terutama dalam peringkat pengajian pascasiswazah.

Kata Kunci: *kajian praktis, hermeneutik fenomenologi.*

ABSTRACT

The practice-based research method is grounded in lived experiences, employing a hermeneutic phenomenological approach. This approach has the capability to interpret visuals and is also applied in textual interpretation. This article aims to clarify the conceptual framework in employing the hermeneutic phenomenological approach in practice-based research. This study focuses on two main components—visual interpretation and textual interpretation. Conceptually, this comparison is discussed within the framework of practical research to gain an understanding for analysis. This article contributes to the development of practice-based research methods, which have become a preferred approach, particularly at the postgraduate level.

Keywords: *practice-based, hermeneutic phenomenology.*



1 PENGENALAN

Kajian praktis merupakan sumbu ilmu untuk seni kreatif dalam penelitian yang melibatkan disiplin pengamal. Ia ditinjau dan diterima pakai oleh golongan praktis seni yang juga penyelidik dalam pelbagai bidang seni. Antaranya seni lukisan, musik, persembahan, penulisan kreatif, filem, tarian dan banyak lagi (Grierson & Brearley, 2009). Penelitian kajian praktis antara yang menarik untuk diketengahkan. Ia mempunyai struktur yang kebergantungannya terhadap pengalaman yang dialami (lived-experiences). Malah, melihat kepada konteks kesedaran pengalaman ini, hermeneutik fenomenologi berperanan sebagai kaedah interpretasi secara natural dari amatan individu (pengkaji). Kata hermeneutik dari perkataan Greek 'hermeneuein' yang membawa maksud interpretasi dan translasi. Ini merujuk pengasasnya Martin Heidegger dan teori Edmund Husserl yang menyatakan, hermeneutik dilihat sebagai satu pemahaman dan pemeriksaan kepada kesedaran manusia secara transkripsi dan deskripsi. Sekali gus ia dapat dilihat dalam bentuk yang reflektif (Fuster, 2009, van Menen, 2016).

Di Malaysia paradigma kajian praktis ini dapat dilihat sebagai mod kajian bukan tradisi dalam penyelidikan dan kerangka amalan kreatif. Ia merupakan suatu bentuk emosi manusia dan cara manusia melihat tentang sesuatu kewujudan dan pengalaman (Arif, 2022, Shyong & Thiagarajan, 2022, Ros. V, 2022).


Sebagai pelengkap kepada kajian praktis, pengkaji perlu terlibat sebagai penterjemah (interpreter) bagi membuat interpretasi hermeneutik melalui pembacaan visual dan tektual. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk memperjelaskan kerangka kerja konseptual dalam menggunakan pendekatan fenomenologi hermeneutik dalam penyelidikan berasaskan praktis.

2 KAEDAH BERASASKAN PRAKTIS DALAM PENDEKATAN FENOMENOLOGI HERMENEUTIK

2.1 Interpretasi Visual

Dalam membuat interpretasi terhadap pengalaman visual, hasil akhir adalah dalam bentuk dokumentasi (Sullivan, 2005), yang merupakan transformasi dari membingkai visualisasi. Sullivan menyatakan interpretasi kaedah praktis bergantung melalui dimensi visual seperti berikut; visualisasi objek, visualisasi data, visualisasi teks dan visualisasi idea. Dalam membingkai interpretasi ini, Sullivan (2005) menyatakan karya seni adalah visual atau sampel rujukan yang diambil dari bahan pameran. Rajah 1 menunjukkan prosedur interpretasi visual yang disebut sebagai projek penyelidikan seni visual.

Kaedah Sullivan ini disokong oleh Ashton (2014), yang menegaskan interpretasi visual melalui kaedah praktis dapat menyelidik dan meneroka pengalaman peribadi pengkaji dalam membuat pelbagai pandangan yang bertitik tolak daripada melihat, observasi, perhatian, tinjauan, pengalaman dan perasaan, bahkan berimajinasi. Rajah yang dikemukakan merupakan adaptasi daripada kerangka interpretasi visual yang dicadangkan oleh Sullivan (2005), yang menekankan hubungan antara *project-event*, *data source & type*, dan *interpretation* dalam membina penemuan ilmiah atau *findings*. Berikut merupakan perincian setiap komponen utama berdasarkan struktur tersebut.



Rajah 1 Prosedur kajian praktis yang diadaptasi untuk interpretasi visual
(Sumber: Sullivan, 2005).

2.1.1 Projek – Peristiwa (*Project – Event*)

Pameran dan persidangan bukan sekadar medium penyampaian hasil seni, malah berperanan sebagai ruang epistemologi yang mempertemukan idea, makna, dan pengalaman kolektif dalam dimensi praktis seni. Menurut Sullivan (2005), acara seni seperti ini mencetuskan dialog antara pencipta, karya, khalayak, dan kurator, sekali gus menjadikan seni sebagai bentuk penyelidikan tersirat (*embedded research*).

Tujuan utama projek-acara ini dapat dijelaskan seperti berikut: 1) *Curatorial Inquiry*: Kajian terhadap naratif kuratorial mendedahkan bagaimana pemilihan, susun atur, dan konteks ruang pameran boleh mempengaruhi pembacaan makna (O'Neill, 2012); 2) *Artistic Research*: Menggalurkan idea bahawa karya seni bukan hanya hasil akhir, tetapi juga bukti proses pemikiran dan pengalaman pengkarya (Borgdorff, 2012); 3) *Audience Engagement*: Respons penonton menjadi refleksi sosial terhadap isu, tema, dan visual, menjadikannya sebahagian daripada data interpretative; dan 4) *Digital Platform (Web)*: Laman web atau arkib digital memanjangkan jangkauan interaksi dan menyediakan naratif pelbagai lapis tentang karya.

Kesemua tujuan ini memberi nilai tambah dalam penyelidikan seni secara hermeneutik kerana ia meletakkan pengalaman sebagai sumber utama makna (Gadamer, 1975/2004).

2.1.2 Sumber dan Jenis Data (*Data Source and Type*)

Sumber data dalam kajian ini diperoleh daripada pelbagai konteks yang berkait rapat dengan pengalaman praktis seni dan respons terhadapnya: 1) *Contexts*: Latar sosial, politik, budaya dan sejarah yang membentuk kefahaman terhadap sesuatu karya; 2) *Artists*: Naratif pengkarya tentang proses kreatif dan refleksi sendiri memainkan peranan utama dalam interpretasi fenomenologi; 3) *Institution*: Dasar, wacana, dan peranan institusi seni seperti galeri dan muzium sebagai pengantara naratif visual; dan 4) *Public*: Suara dan reaksi khalayak menjadi dimensi penting dalam menilai keterhubungan antara karya dan masyarakat. Menurut Rolling Jr. (2010), sumber-sumber ini boleh dikumpulkan melalui aktiviti seperti: 1) Pembentangan akademik (*papers*); 2) Panel diskusi atau forum; 3) Bengkel seni atau praktikum; dan 4) Sesi plenari dan reaksi terbuka. Setiap aktiviti ini menyumbang kepada pemerolehan data yang bersifat deskriptif, naratif dan reflektif.

Jenis data pula merujuk kepada pendekatan dokumentasi dan klasifikasi maklumat yang digunakan untuk menyokong interpretasi. Antaranya: 1) *Historical*: Rekod sejarah perkembangan seni, karya, atau tokoh; 2) *Biographical*: Latar kehidupan pengkarya yang memberi pengaruh langsung kepada karya; 3)

Practices: Pemerhatian terhadap teknik, media, dan proses Kreatif; dan 4) *Responses*: Dokumentasi tentang bagaimana audiens menerima dan menanggapi karya secara langsung atau tidak langsung. Dokumentasi ini boleh berupa: 1) Pembacaan teks dan teori (*readings*); 2) Rakaman video dan audio (*recordings*); 3) Diskusi dan temubual (*discussions*); dan 4) Rumusan dan ulasan kritikal (*summaries and critiques*). Setiap jenis ini memberi kekuatan triangulasi kepada dapatan penyelidikan, selari dengan prinsip hermeneutik yang melihat makna sebagai hasil hubungan dinamik antara pengalaman dan refleksi (Caputo, 1987).

2.1.3 Interpretasi (*Interpretation*)

Interpretasi dalam kerangka hermeneutik fenomenologi bukan sekadar penerangan terhadap visual, tetapi pencarian makna yang muncul dari pengalaman melihat, merasai dan menyelami karya. Kandungan utama dalam interpretasi merangkumi: 1) *Ideas*: Gagasan utama seperti identiti, memori, sejarah, spiritualiti dan ideologi; 2) *Issues*: Isu kontemporari seperti gender, alam sekitar, politik atau teknologi; dan 3) *Themes*: Tema-tema besar seperti kelahiran semula, perubahan budaya, atau hubungan manusia-alam. Makna ini seringkali tidak eksplisit tetapi memerlukan pembacaan berlapis (*layered reading*) dan kontekstual.

Selain kandungan, bentuk penyampaian turut memainkan peranan penting dalam pembinaan interpretasi: 1) *Visual*: Bentuk visual seperti imej, objek seni, struktur dan media digital; 2) *Verbal*: Teks seperti pernyataan seniman, kuratorial, atau ulasan kritikal; dan 3) *Performative*: Aksi atau persembahan yang memperlihatkan makna melalui tubuh, ruang dan interaksi.

Menurut Ricoeur (1981), tafsiran makna tidak hanya berlaku melalui pembacaan teks tetapi juga melalui tindakan dan pengalaman hidup. Oleh itu, bentuk penyampaian ini menjadi dimensi penting dalam kajian seni yang berlandaskan pengalaman.


2.1.4 Rumusan: Ke Arah Penemuan (*Findings*)

Melalui gabungan *project-event*, *data source & type*, serta *interpretation*, penyelidik dapat menghasilkan penemuan (*findings*) yang bersifat interpretatif dan reflektif, yang mungkin berbentuk: 1) Naratif kritikal tentang pengalaman seni; 2) Penghasilan semula karya dalam bentuk baru (*visual-interpretive work*); dan 3) Penjana teori baharu berdasarkan pemahaman kontekstual.

Kaedah ini membuktikan bahawa seni bukan sekadar objek estetik tetapi medan epistemologi yang kaya dengan kemungkinan makna. Justeru, pendekatan hermeneutik fenomenologi merupakan asas kukuh bagi penyelidikan seni visual berasaskan pengalaman langsung dan kesedaran reflektif.

2.2 Interpretasi Tekstual

Regan (2012) memberi pandangannya dalam mengkaji pemahaman teks, ia merujuk pemahaman bahasa secara pembacaan yang perlu keterlibatan kesedaran secara hermeneutik. Interpretasi tekstual dari sudut pandang Gadamer yang dilihat oleh Regan ada tiga unsur penting yang dihubungkan fenomenologi iaitu kesejagatan (*universality*), kelupaan mendasar (*essential forgetfulness*) serta ketiadaan-aku (*I-lessness*). Tiga konsep pemahaman atau kesedaran hermeneutik dari sudut pandang Gadamer ini dapat dilihat dalam rajah 2 sebagai salah satu kaedah praktis dalam interpretasi tekstual.



Rajah 2 Tafsiran interpretasi tekstual dari sudut pandang Gadamer
(Sumber: Diadaptasi dari Regan, 2012)

Dalam konteks ini, rajah yang diadaptasi daripada Regan (2012) menjadi asas penting dalam menjelaskan bagaimana proses penafsiran berlaku bukan secara linear, tetapi melalui jaringan makna antara pengarang, teks dan pembaca dalam ruang yang dinamakan kesedaran hermeneutik (*hermeneutic awareness*). Kaedah hermeneutik fenomenologi tidak hanya menumpukan kepada deskripsi pengalaman seperti dalam pendekatan fenomenologi Husserl, tetapi turut menekankan *tafsiran pengalaman* yang berlangsung dalam ruang sejarah, budaya dan bahasa. Dalam hal ini, pendekatan Gadamer menawarkan asas teori yang kukuh untuk menyusun dan menjelaskan bagaimana makna pengalaman dapat ditafsirkan melalui teks atau naratif.

2.2.1 Naratif Penulis (*Author's Narratives*)

Bermula dengan “*Author's Narratives*” dalam rajah, ia merujuk kepada pengalaman asal atau penghasilan naratif oleh subjek (atau penyelidik dalam kajian praktis). Dalam konteks hermeneutik fenomenologi, naratif ini lahir daripada pengalaman hidup yang bersifat subjektif, namun ketika dinyatakan melalui teks atau medium bahasa, ia mula terbuka kepada penafsiran. Makna asal pengalaman tersebut tidak lagi berdiri sebagai sesuatu yang tetap, tetapi menjadi sebahagian daripada ruang dialogik apabila ditanggapi oleh pembaca atau pemerhati. Di sinilah peranan *bahasa* menjadi penting, seperti yang diperlihatkan dalam bahagian “*Language (Text)*” — ia menjadi perantara antara pengalaman asal dengan pemahaman baharu yang akan terbentuk.

2.2.2 Bahasa - Teks (*Language – Text*)

Bahasa bukan sekadar alat menyampaikan maklumat, tetapi menjadi tapak ontologikal di mana makna pengalaman wujud dan berkembang. Dalam kerangka hermeneutik Gadamer, bahasa adalah medium yang hidup dan terbuka, membolehkan teks atau karya yang dihasilkan daripada pengalaman fenomenologikal tadi dibaca, ditafsir dan diberi makna semula. Dalam konteks kajian praktis, teks ini boleh berupa tulisan reflektif, hasil karya seni, lakaran, catatan lapangan atau dokumentasi kreatif. Proses menafsir teks ini tidak berlaku dalam ruang vakum, tetapi melibatkan sejarah dan horizon pemahaman pembaca, yang ditunjukkan dalam bahagian “*Understanding (Reading)*” dalam rajah.

2.2.3 Kefahaman (*Understanding*)

“*Understanding*” dalam kerangka ini merujuk kepada proses di mana pengalaman fenomenologikal yang telah diterjemahkan ke dalam teks mula difahami melalui lensa pembaca atau peneliti. Ini sangat selari dengan prinsip utama hermeneutik fenomenologi — bahawa pemahaman terhadap pengalaman bukan datang dari luar, tetapi melalui **penglibatan langsung dan refleksi terhadap naratif pengalaman itu sendiri. Dalam proses ini, berlaku apa yang disebut oleh Gadamer sebagai “*fusion of horizons*” —

iaitu cakrawala pengalaman pembaca bergabung dengan cakrawala teks, membentuk makna baharu yang tidak bersifat mutlak tetapi sentiasa berkembang dan terbuka.

2.2.4 Pembaca / Penginterpretasi (*Reader/Interpreter*)

Peranan “*Reader/Interpreter*” pula menegaskan bahawa dalam kajian hermeneutik fenomenologi, penyelidik sendiri tidak boleh dianggap sebagai pengamat pasif, tetapi sebagai interpretator aktif. Penyertaan penyelidik dalam memahami makna pengalaman yang disampaikan oleh subjek atau yang dialaminya sendiri melibatkan proses refleksi dan keterbukaan. Dalam konteks ini, penyelidik perlu menyedari dan mengurus pra-pemahaman (*pre-understanding*) mereka sendiri, agar tidak menutup ruang bagi makna baharu untuk muncul. Di sinilah pentingnya elemen “*I-lessness*” dalam rajah — ia menyeru kepada pelepasan ego atau keakuan penyelidik agar dapat mendekati pengalaman dengan kesedaran hermeneutik yang lebih tulen.

2.2.5 Elemen bagi Hubungan Teks dan Kefahaman

Tiga elemen utama yang menjembatani teks dan pemahaman — “*Universality*”, “*Essential Forgetfulness*”, dan “*I-lessness*” — amat signifikan dalam mengukuhkan pendekatan kajian praktis ini. “*Universality*” menyatakan bahawa pengalaman yang diterjemahkan dalam teks boleh mempunyai makna yang merentasi konteks asal, membolehkan pembaca daripada latar berbeza untuk turut mengalami dan menafsirnya. “*Essential Forgetfulness*” pula mengakui bahawa tidak semua pengalaman dapat dicerakinkan secara lengkap dalam bahasa — terdapat aspek-aspek yang hilang atau terabai, namun di situlah ruang tafsiran dibuka. Manakala “*I-lessness*” menuntut penyelidik untuk tidak menjadikan interpretasi mereka terlalu bersifat peribadi atau prejudis, sebaliknya mendekati makna dengan kerendahan diri dan keterbukaan hermeneutik.

2.2.6 Kesedaran Hermeneutik (*Hermeneutic Awareness*)

Keseluruhan proses yang digambarkan dalam rajah berlaku dalam ruang “*Hermeneutic Awareness*” — iaitu kesedaran terhadap sifat terbuka, historikal, dan dialogikal makna. Dalam konteks kajian praktis hermeneutik fenomenologi, kesedaran ini penting agar penyelidik menyedari bahawa setiap pengalaman dan tafsiran adalah hasil daripada dialog yang tidak berkesudahan antara pengalaman peribadi, bahasa, dan konteks. Ini bukan sahaja memberi kebebasan kepada makna untuk terus hidup dan berkembang, tetapi turut membuka ruang kepada penghasilan pengetahuan yang lebih autentik dan reflektif, selari dengan hasrat penyelidikan kualitatif yang berakar pada pengalaman manusia yang kompleks.


2.2.7 Rumusan

Kesimpulannya, rajah ini bukan sahaja membantu memvisualisasikan proses interpretasi dalam pendekatan hermeneutik fenomenologi, tetapi turut menyediakan asas konseptual yang kukuh untuk kajian praktis. Dalam usaha memahami pengalaman secara mendalam, pendekatan Gadamer membuka ruang tafsiran yang tidak bersifat dogmatik, sebaliknya sentiasa menekankan keterbukaan, dialog, dan kesedaran terhadap kerumitan makna yang wujud antara teks dan pembaca. Oleh itu, kerangka ini sangat sesuai untuk digunakan dalam kajian-kajian praktikal yang bersifat kualitatif, reflektif dan berasaskan pengalaman.

3 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN PRAKTIS

Kerangka konseptual kajian dibina daripada tinjauan literatur dan teori yang disandarkan yang bersifat experimentasi, dimana penyelidikan kajian praktis perlu mengenalpasti beberapa ciri-ciri utama seperti mengenal pasti permasalahan, soalan penyelidikan serta hipotesis. Bolt (2011), menyatakan Kerangka kajian praktis membuat penekanan penelitian studio perlu di lihat kepada pengetahuan praktikal berbanding pengetahuan secara teori semata-mata. Ini membuka kesedaran pengkaji dalam mencari pengetahuan merujuk interpretasi visual secara fenomenologi. Kerangka kitaran fenomenologi yang awal dari pengasasnya Husserl (1952), disesuaikan oleh Heidegger (1962), Merleau-Ponty (1962) mengaitkan pengalaman jasmani pengkaji sebagai ‘alat dan tangan’ (*tool and hand*), dengan interpretasi tektual yang lebih bersifat reflektif dan interpretatif.

Walau bagaimanapun sebagai pelengkap kepada kajian praktis ini, refleksi responden diperlukan bagi mendapatkan Analisa daripada data temuramah. Ini sudah tentu melibatkan reflektif yang bersilang, dari visual interpretasi pengkaji kepada responden, dan akhirnya ia kembali kepada pengkaji semula. Proses kitaran ini sudah pasti menghubungkan persepsi responden dan pengkaji dalam membuat analisa kesedaran melalui tindakan praktikal (van Manen, 2016) Dari dasar yang dibahaskan ini, rajah 3 menunjukkan kerangka konseptual kajian praktis dalam hermeneutik fenomenologi seperti dibawah;



Rajah 3 Kerangka Konseptual Kajian Praktis

Rajah yang ditampilkan memberi gambaran menyeluruh mengenai bagaimana kajian praktis dalam seni visual boleh dijalankan secara sistematik menggunakan pendekatan hermeneutik fenomenologi. Kerangka ini menyusun langkah demi langkah bermula daripada pencetus persoalan seni, proses penciptaan, pengumpulan data kualitatif, analisis interpretatif, dan penghasilan output penyelidikan — yang bersifat teori dan juga visual.

3.1 Kajian Praktis: Titik Asal Penyelidikan Berasaskan Amalan

Kajian ini dimulakan dengan asas ‘kajian berasaskan amalan’ (*practice-based research*) yang menjadikan proses berkarya seni sebagai bentuk penyelidikan ilmiah. Dalam erti kata lain, seni bukan sahaja subjek penyelidikan tetapi juga alat untuk menyelidik (Sullivan, 2005). Melalui pendekatan ini, pengkarya menyelidiki makna, pengalaman, dan naratif melalui penciptaan karya itu sendiri. Sullivan (2010) menegaskan bahawa “*the practice of art can be both the subject and method of research... artistic thinking is a valid way of constructing knowledge.*”

3.2 Mengenal Pasti Permasalahan: Soalan Penyelidikan dari Dalam Diri dan Konteks

Permulaan sebenar kajian terletak pada pengenalanpastian permasalahan, iaitu pertanyaan yang timbul daripada pengalaman estetik, persoalan budaya, atau kegelisahan peribadi pengkarya. Ini merangkumi refleksi terhadap: 1) Nilai atau makna visual dalam budaya tertentu; 2) Persoalan identiti, spiritualiti, atau pengalaman manusia; 3) Isu kontemporari dalam wacana seni dan masyarakat.

Dalam tradisi fenomenologi, pengalaman manusia yang “hidup dan dirasai” (*lived experience*) dijadikan titik tumpuan penyelidikan. Maka, pemilihan topik bukan bersifat objektif tetapi berakar dari pengalaman autentik pengkarya (van Manen, 1990).

3.3 Penelitian Studio: Medium Epistemologi dan Praktikal

Penelitian studio ialah fasa utama di mana penciptaan karya seni dilakukan secara reflektif, berpaksikan persoalan yang dikenal pasti. Proses ini bukan aktiviti artistik semata-mata, tetapi satu tindakan pemikiran konseptual dan epistemik. Di sinilah kaedah penyelidikan terjalin dengan kreativiti artistic kerana: 1) Karya seni dianggap sebagai ‘teks visual’ yang boleh dianalisis dan ditafsirkan; 2) Setiap keputusan dalam pembuatan – dari pemilihan medium, simbol, naratif hingga bentuk – membawa makna yang diselidik; dan 3) Pengkarya berperanan sebagai subjek, objek, dan agen penyelidikan secara serentak. Gray & Malins (2004) menyifatkan studio sebagai *a thinking space*, iaitu ruang berfikir secara visual dan simbolik.

3.4 Pengumpulan Data Kualitatif: Temuramah & Hermeneutik Fenomenologi

Fasa ini membina asas interpretasi berdasarkan dua bentuk pendekatan kualitatif utama:

3.4.1 Temuramah (*Qualitative Interview*)

Temuramah digunakan untuk mendapatkan ‘pandangan mendalam’ daripada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan konteks karya antaranya responden terdiri daripada: 1) Pengkarya seni (termasuk penyelidik itu sendiri); 2) Kurator atau pengkritik seni; dan 3) Penonton pameran atau audiens umum. Fungsi utama mereka ialah sebagai ‘rakan dialog’ dalam pencarian makna. Responden ini menyumbang dari sudut: 1) Pengalaman melihat karya; 2) Pandangan terhadap simbolisme dan tema; dan 3) Respon emosi, budaya, atau spiritual.

Peranan Responden adalah akar kepada interpretasi dan dialog kepada pengetahuan. Responden memainkan peranan kritikal bukan sebagai ‘informan’ tetapi sebagai ‘rakan dialog’ dalam proses interpretasi. Mereka membantu: 1) Memberi makna terhadap karya daripada perspektif luar diri pengkarya; 2) Menawarkan horizon pengalaman baru yang memperkaya tafsiran; dan 3) Membentuk rangkaian makna yang tidak linear dan bersifat dialogik.

Dalam pendekatan hermeneutik, ini sangat penting kerana setiap tafsiran bukan bersifat muktamad tetapi ‘terbuka dan sentiasa berkembang’. Temuramah bersifat separa berstruktur dan fleksibel, memberi ruang kepada naratif terbuka dan dialog hermeneutik (Seidman, 2006).

3.4.2 Hermeneutik Fenomenologi

Pendekatan ini memberi tumpuan kepada ‘tafsiran pengalaman hidup dan pemaknaan naratif visual’ berdasarkan prinsip hermeneutik (tafsiran) dan fenomenologi (pengalaman subjektif). Hal ini dapat diatur berdasarkan: 1) Menggunakan konsep ‘kitaran hermeneutik’ (*hermeneutic circle*) yaitu pemahaman bahagian dan keseluruhan saling membentuk antara satu sama lain (Gadamer, 2004); 2) Proses interpretasi berlaku secara ‘berulang’ antara pengkarya, karya, dan penonton; dan 3) Penyelidik menafsir simbol, naratif visual dan pengalaman kreatif sendiri secara reflektif. Hermeneutik fenomenologi, seperti yang dirumuskan oleh Heidegger (1962), bertujuan mendedahkan struktur makna yang tersembunyi dalam pengalaman sehari-hari.

3.5 Analisa: Sintesis Refleksi Visual, Verbal dan Kontekstual

Fasa analisis merupakan titik sintesis data dan refleksi melalui: 1) Data temuramah ditranskrip dan dianalisis secara tematik; 2) Karya seni ditafsir dari aspek – Visual (komposisi, simbol, teknik), Naratif (tema, sejarah diri, budaya), dan Konteks sosial dan institusi seni; dan 3) Penyelidik melakukan refleksi diri secara berterusan (*reflexivity*) untuk memahami bagaimana pengalaman dan latar belakang mereka mempengaruhi tafsiran. Analisis ini bertujuan mencapai ‘fusi horizon’ (*fusion of horizons*) seperti yang digariskan oleh Gadamer — iaitu pertembungan antara pemahaman sedia ada dan makna baru yang terbentuk melalui interaksi.

3.6 Hasil Penyelidikan: Sintesis Visual & Teoritis

Hasil kajian terbahagi kepada dua bentuk:

3.6.1 Kerangka Kitaran Hermeneutik

Merujuk kepada pembangunan ‘model konseptual’ yang menjelaskan bagaimana proses penciptaan dan penafsiran karya berlaku dalam konteks hermeneutik fenomenologi. Model ini berfungsi sebagai panduan untuk penyelidikan seni yang lain — menjelaskan hubungan antara pengalaman, simbol, dan makna secara berstruktur.

3.6.2 Bahan Pameran

Merujuk kepada ‘karya seni itu sendiri’, yang dihasilkan melalui penyelidikan studio dan dianalisis secara teoritikal. Karya ini bukan sekadar produk estetik, tetapi ‘artifak penyelidikan’ yang: 1) Mengandungi lapisan makna visual dan verbal; 2) Berfungsi sebagai *data kualitatif* dan hasil refleksi Kreatif; dan 3) Disampaikan dalam bentuk pameran, dokumentasi proses, dan naratif kuratorial. Borgdorff (2012) menyatakan bahawa “*artistic products embody the knowledge generated through artistic research.*”

3.7 Rumusan: Kajian Praktis sebagai Penciptaan Makna Hermeneutik

Keseluruhan rajah ini membentuk satu model kajian praktis seni visual yang berpaksikan pendekatan ‘kualitatif interpretatif’, khususnya ‘hermeneutik fenomenologi’. Ia bukan sahaja memberikan ruang kepada pengalaman subjektif dan ekspresi kreatif, tetapi juga membina ‘wacana pengetahuan baru’ dalam bidang seni — menerusi dialog antara pengkarya, karya, responden, dan konteks budaya.

4 KESIMPULAN

Kajian praktis melalui kaedah hermeneutik fenomenologi dapat menempa kualiti interpretasi secara orientasi, kekuatan, kekayaan, keberagaman data, dan secara mendalam. Ini membuatkan pembacaan pentafsirnya terarah kepada ‘rasa’ dan ‘perasaan’ sebagai satu bentuk *expressif* dalam minda. Dapatan hasil interpretasi visual kepada interpretasi tektual dalam kajian praktis yang akhirnya dirumus sebagai data penulisan membuka pengalaman pembacaan secara konprehensif dalam meneroka ruang dan masa, lebih-lebih lagi dalam pengalaman secara fenomenologi.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia utama, Pengajian Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.

PEMBIAYAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh geran penyelidikan dari mana-mana pihak.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis artikel ini menyumbang dalam pencarian data, kajian literatur, kaedah dan penelitian, serta penulisan manuskrip secara sama-rata.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengistiharkan bahawa kajian ini tiada konflik kepentingan berkenaan dengan penenyelidikan dan penerbitan.

RUJUKAN

- Ashton, A. (2014). Drawing on the ‘Lived Experience’- An investigation of perception, Ideation and Praxis. *Art and Design review*, 2, 46-61 Doi: <http://dx.doi.org/10.4236/adr.2014.23007>
- Borgdorff, H. (2012). *The Conflict of the Faculties: Perspectives on Artistic Research and Academia*. Leiden University Press.
- Bolt, B. (2011).
- Fuster, D. (2019). Qualitative Research: Hermeneutical Phenomenology Method. *Propósitos y representaciones*, 7(1), 201-229. Doi: <http://dx.doi.org/10.20511/pyr2019.v7n1.267>
- Gray, C., & Malins, J. (2004). *Visualizing Research: A Guide to the Research Process in Art and Design*. Ashgate.
- Grierson, E. & Brearley, L. (2009). Way of Framing. In Grierson, E. and Brearley, L. (Eds). *Creative Art Research: Narratives of Methodologies and Practices*. Sense Publishers. Rotterdam, The Netherlands
- Heidegger, M. (1962). *Being and Time*. Harper & Row.
- Käufer, S. And Chemaro, A. (2021). *Phenomenology an Introduction*. Polity Press. UK
- Md Arif, M.F, Art Practice-Based research Paradigm. MEE2.0: ICLT2022 International Virtual colloquium on Multi-Disiplinary Research Impact. *International Conference of Logistic and Transportation*, 3rd series, 105-109 <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7iSI9.3934>

- Regan, P. (2012). Hans-Georg Gadamer's philosophical hermeneutics: Concepts of reading, understanding and interpretation. *META: Research in Hermeneutics, Phenomenology, and Practical Philosophy*, 4(2), December 2012, 286-303. Retrieved from www.metajournal.org
- Ross, V. (2022). Practice-based methodological design for performance-composition and interdisciplinary music research. *Malaysian Journal of Music*, 11(1), 109–125. Doi: <https://doi.org/10.37134/mjm.vol11.1.7.2022>
- Sullivan, G. (2005). *Art Practise as Research: Inquiry in the Visual Art*. Sage Publications. UK
- Shyong, W.J. & Thiagarajan, P. (2022). Practice-Related Research In Contemporary Choreography: A Review Of Methods. *Malaysian Journal of Performing and Visual Arts*, 8(1), 1-14
- van Manen, M. (1990). *Researching Lived Experience*. SUNY Press.
- van Manen, M. (2017). Phenomenology and Meaning Attribution. *Indo-pacific Journal of Phenomenology*, 17(1), 1-12, DOI 10.1080/20797222.2017.1368253
- van Menen, M. (2016) *Researching Lived Experiences: Human science for an Action Sensitive Padagogy*. Routledge. USA
- Borgdorff, H. (2012). *The Conflict of the Faculties: Perspectives on Artistic Research and Academia*. Leiden: Leiden University Press.
- Caputo, J. D. (1987). *Radical Hermeneutics: Repetition, Deconstruction, and the Hermeneutic Project*. Indiana University Press.
- Gadamer, H.-G. (2004). *Truth and Method* (2nd ed., J. Weinsheimer & D.G. Marshall, Trans.). New York: Continuum. (Karya asal diterbitkan 1975)
- O'Neill, P. (2012). *The Culture of Curating and the Curating of Culture(s)*. MIT Press.
- Ricœur, P. (1981). *Hermeneutics and the Human Sciences*. Cambridge University Press.
- Rolling, J. H. Jr. (2010). A Paradigm Analysis of Arts-Based Research and Implications for Education. *Studies in Art Education*, 51(2), 102–114.
- Seidman, I. (2006). *Interviewing as Qualitative Research*. Teachers College Press.